

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
(SARIKEI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2015

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah harga minyak di negara ini masih belum diturunkan sedangkan Kerajaan telah berjanji *to float* harga minyak mengikut harga minyak mentah antarabangsa. Harga minyak mentah antarabangsa telah menurun dari US110 setong pada tahun 2014 ke kurang US50 setong sekarang. Sepatutnya harga minyak sekarang hendaklah tidak kurang daripada separuh harga pada tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Ketika harga pasaran minyak mentah berada pada paras USD110 setong pada tahun 2014, harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel masing-masing adalah sebanyak RM2.75, RM2.30 dan RM2.20 seliter. Seterusnya, apabila harga minyak mentah telah turun kepada USD50 setong pada tahun 2015, harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel telah diturunkan kepada RM2.00, RM1.70 dan RM1.70 seliter. Sungguhpun penurunan harga minyak mentah di pasaran dunia adalah lebih daripada separuh pada tahun 2015 berbanding tahun 2014, tetapi harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel hanya turun dengan purata sekitar 25% peratus sahaja. Ini disebabkan Kerajaan masih menanggung subsidi ke atas produk petroleum termasuk RON95 dan diesel dalam jumlah yang tinggi pada tahun 2014 iaitu purata sebanyak 56 sen seliter bagi petrol RON95 dan 60 sen seliter bagi diesel. Pemberian subsidi ini adalah perlu untuk membendung kenaikan kos pengangkutan yang tinggi seterusnya menjejaskan rakyat.

Di samping komponen subsidi produk petroleum, terdapat dua komponen

lagi yang menentukan perubahan harga runcit petrol RON95 dan diesel berdasarkan formulasi penetapan harga runcit mengikut trend harga di pasaran mulai 1 Disember 2014 iaitu komponen kos sebenar produk petroleum yang telah siap diproses (*refined product*) semasa diimport dan komponen kadar tukaran mata wang asing. Memandangkan urusan dagangan minyak di pasaran dunia dilakukan dalam nilai mata wang US Dollar, maka penyusutan nilai tukaran mata wang ringgit berbanding US Dollar pada kedudukan masa kini turut mempengaruhi harga runcit semasa walaupun harga minyak mentah mengalami trend penurunan di pasaran dunia.